

MINI PROJEK

[100 markah]

ARAHAN:

- 1) Tugas ini adalah tugas berkelompok. Pembahagian kumpulan ditentukan mengikut kesesuaian berdasarkan bilangan pelajar dalam kelas.
- 2) Setiap kumpulan perlu menyediakan laporan pelaksanaan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan dihantar secara bercetak kepada pensyarah penilai.
- 3) Setiap kumpulan perlu membentangkan laporan aktiviti ini setelah mini projek dilaksanakan.
- 4) Penilaian mini projek ini akan dibuat berdasarkan rubrik yang telah disediakan.

SOALAN:

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) merupakan satu pendekatan penting yang menekankan peranan sesebuah organisasi atau institusi untuk memberi sumbangan positif kepada masyarakat dan alam sekitar. Bagi institusi korporat, CSR menjadi medium penting untuk meningkatkan reputasi, membina hubungan baik dengan komuniti, serta memastikan kelestarian jangka panjang operasi perniagaan. Dalam konteks pendidikan, pelaksanaan program CSR dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti amat signifikan kerana ia bukan sahaja mendidik pelajar tentang nilai kepedulian sosial, malah membentuk keperibadian yang beretika dan bertanggungjawab. Sehubungan itu:

- CLO3 a) Pelajar dikehendaki untuk merancang dan melaksanakan satu aktiviti CSR dibimbing oleh pensyarah kursus masing-masing. Skop aktiviti adalah bebas. Contoh aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:
- i. Program Kelestarian Alam seperti gotong-royong pembersihan pantai, kempen kitar semula dan menanam pokok bersama komuniti.
 - ii. Program Pendidikan dan Literasi seperti kelas bimbingan percuma dan program motivasi di kalangan pelajar sekolah rendah/menengah.

- iii. Program Kebajikan Sosial seperti lawatan ke rumah anak yatim atau warga emas, mengumpul dan menyumbang pakaian, buku atau makanan dan jualan amal.
 - iv. Program Kesihatan dan Kesedaran seperti kempen gaya hidup sihat dan pemeriksaan kesihatan percuma.
- b) Setiap kumpulan perlu menyediakan laporan pelaksanaan aktiviti CSR tersebut. Laporan perlu mengandungi butiran berikut:
- i. Pengenalan kepada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).
 - ii. Pengenalan tentang aktiviti CSR yang dipilih.
 - iii. Objektif pelaksanaan aktiviti CSR.
 - iv. Tarikh, masa, tempat dan aturcara program CSR.
 - v. Jawatankuasa pelaksana aktiviti CSR.
 - vi. Perbelanjaan yang dilibatkan dalam aktiviti CSR.
 - vii. Gambar pelaksanaan aktiviti CSR.
 - viii. Impak/kesan pelaksanaan aktiviti CSR.
 - ix. Cabaran pelaksanaan aktiviti CSR
 - x. Kesimpulan dan penutup
- c) Laporan pelaksanaan aktiviti CSR perlu dibentangkan dan dihantar pada minggu Peperiksaan Akhir mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Unit Peperiksaan.
- d) Format penulisan laporan adalah seperti berikut:
- i. Microsoft Word.
 - ii. *Font*: Tulisan jenis Arial, bersaiz 11.
 - iii. Perenggan: *Justify*
 - iv. Langkau baris: 1.5.

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab